

TAHALLUF SIYASI DALAM PERJUANGAN IKHWAN AL-MUSLIMIN DI MESIR, 1970-1981

(*Tahalluf Siyasi* in the Struggle of the Muslim Brotherhood in Egypt, 1970-1981)

¹ SHAMSUL AZHAR YAHYA

² MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN

³ ABU HANIFAH HARIS

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

² Universiti Selangor, Bestari Jaya Campus, Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari
Jaya, Selangor, Malaysia

³ Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Jalan Universiti, 50603 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Awal abad ke-20 menyaksikan kelahiran beberapa tokoh islah yang cuba untuk membawa perubahan kepada umat Islam. Peranan yang dimainkan oleh Hassan al-Banna dan Ikhwan al-Muslimin yang ditubuhkan pada tahun 1928 telah memberi impak yang besar kepada Mesir dan persekitarannya. Perkembangan gerakan yang begitu cepat ini amat membimbangkan penjajah dan pemerintah sehingga memaksa mereka menggunakan pelbagai cara untuk menghapuskan pengaruh gerakan ini. Walau bagaimanapun, Ikhwan al-Muslimin masih terus bertahan sehingga hari ini dan memberi impak yang besar apabila menang dalam pilihan raya selepas kejatuhan Hosni Mubarak tahun 2012. Kajian ini berobjektifkan peranan yang dimainkan oleh Ikhwan al-Muslimin dalam perkembangan politik di Mesir. Pendekatan *tahalluf siyasi* yang diambil oleh Ikhwan al-Muslimin sedikit sebanyak menyelamatkan gerakan ini daripada terus ditindas. Turut disentuh di dalam kajian ini ialah keberkesanan *tahalluf siyasi* yang dilakukan oleh Ikhwan al-Muslimin sepanjang tempoh tersebut. Skop kajian ini melihat perjuangan Ikhwan al-Muslimin dari tahun 1970-

1981 kerana tempoh ini adalah merupakan fasa baru perjuangan mereka selepas berlakunya perubahan kepimpinan akibat kematian Gamal Abdel Nasser. Kajian ini membuktikan bahawa pemerintah menggunakan segala kaedah dan pendekatan untuk mengekalkan kuasa termasuk berkompromi dengan kumpulan Islam yang mereka tindas sebelum ini. Namun, sebagai sebuah gerakan Islam, terdapat peluang yang luas untuk menyebarkan dakwah, meluaskan pengaruh dan menyedarkan umat mengenai tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslim. Kajian ini penting kepada gerakan Islam lain untuk menilai semula pendekatan yang perlu diambil dan prinsip yang perlu dipegang apabila berhadapan dengan suasana dan konflik politik semasa.

Kata kunci: Ikhwan al-Muslimin; *tahalluf siyasi*; politik; pendekatan; gerakan Islam

ABSTRACT

Early 20th century is the birth of several prominent reformist who tried to bring change to the Muslims. The role played by Hassan al-Banna and the Muslim Brotherhood, which was founded in 1928 had a big impact on Egypt and its surroundings. The development of rapid movement is worrying invaders and rulers, forcing them to use a variety of ways to eliminate the influence of this movement. However, the Muslim Brotherhood still survive to this day and have a big impact when winning in the elections after the fall of Hosni Mubarak in 2012. The objective of this study focus on role played by the Muslim Brotherhood in the political and propaganda in Egypt. Tahalluf Siyasi approach taken by the Muslim Brotherhood movement is somewhat saved from further suppressed. Also discussed in this study is the effectiveness of the approach carried out by the Muslim Brotherhood. The scope of this study was to see the struggle of the Muslim Brotherhood in the period 1970-1981 because this is a new phase of their struggle after the change of leadership after the death of Gamal Abdel Nasser. This study proves that the government used all methods and approaches to preserve the power of the compromise with the Islamist group that afflict before. However, as an Islamic movement, there is an enormous opportunity to propagate dakwah, expanding the influence and awakening of the people about their responsibilities as a Muslim. This study is important to the Islamic movement to review the approach to be taken and the principles that should be held in the face of the current political situation and conflict.

Keywords: *The Muslim Brotherhood; tahalluf siyasi; politics; approach; Islamic movements*

PENDAHULUAN

Kedudukan politik kebanyakan negara Islam di seluruh dunia pada abad ke-19 berada pada kedudukan yang amat menyedihkan apabila kebanyakan negara ini dijajah oleh penjajah Barat. Mereka menguasai dan mendominasi pemimpin Islam dan para ulamaknya untuk meraih pelbagai keuntungan sama ada dari segi ekonomi, politik mahupun sosial. Mesir juga menerima kesan yang sama semenjak dijajah oleh Perancis di bawah kepimpinan Napoleon Bonaparte pada tahun 1798 setelah menewaskan tentera Mamluk. Mesir dibebaskan daripada cengkaman penjajah apabila Muhammad Ali Pasha menghalau penjajah Perancis pada tahun 1801 dan dianggap sebagai Bapa Pemodenan Mesir. Beliau telah memberi peluang sepenuhnya kepada rakyat Mesir untuk belajar ke luar negara terutama ke Perancis untuk menimba ilmu (Fadhlullah 2008).

Siri-siri perjuangan menentang penjajah telah bertukar kepada perjuangan menentang ideologi penjajah yang diwarisi oleh pemerintah tempatan. Sejarah perjuangan Mesir membarisi nama-nama seperti Ahmad Urabi, Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, Muhammad Rashid Rida dan juga Hassan al-Banna. Mereka bukan sahaja cuba membangkitkan kesedaran dalam kalangan umat Islam di Mesir tetapi juga mengemukakan idea-idea perjuangan yang berlainan pendekatannya. Kesemua kaedah dan pendekatan ini dikaji semula oleh Hassan al-Banna dan menyusun semula menjadi satu gagasan yang lebih besar dan menyeluruh. Oleh sebab itu kesan yang lebih besar dapat dilihat daripada siri perjuangan Hassan al-Banna melalui gerakan Ikhwan al-Muslimin sehinggalah ke hari ini. Perubahan yang dibawa oleh beliau amat besar dan bergerak serta tersebar dengan cepat ke seluruh wilayah di Mesir. Gerakan ini seolah-olah telah membawa gelombang dan nafas baru kepada masyarakat Mesir dan sudah tentu idealisme ini memberi impak yang besar kepada percaturan politik di Mesir (Fadhlullah 2008).

Pendekatan politik Ikhwan al-Muslimin adalah merupakan pendekatan yang terpenting dan memberi kesan terbesar kepada pemerintah. Kaedah penyampaian dan dakwah yang berterusan telah menyebabkan kesedaran terhadap politik begitu cepat tersebar di dalam pemikiran rakyat Mesir. Perkembangan ini amat membimbangkan pemerintah dan mengancam kesinambungan kerajaan sedia ada. Oleh itu, pemerintah sentiasa curiga dan prihatin dengan setiap tindakan yang diambil oleh Ikhwan al-Muslimin dalam isu-isu yang berkaitan dengan politik.

MATLAMAT DAN PENDEKATAN POLITIK IKHWAN AL-MUSLIMIN

Selepas diharamkan oleh Gamal Abdel Nasser, Ikhwan al-Muslimin mengalami laluan sukar kerana Gamal Abdel Nasser bukan sahaja mengharamkan tetapi

juga menghukum bunuh beberapa orang pimpinan mereka. Apabila Anwar Sadat mengambil alih pemerintahan Mesir pada 16 Oktober 1970, Ikhwan al-Muslimin berharap akan adanya sinar baru yang cerah untuk gerakan ini. Tambahan pula apabila sebelum Gamal Abdel Nasser meninggal dunia, Anwar Sadat pernah melakukan beberapa pertemuan rahsia dengan beberapa pemimpin Ikhwan al-Muslimin (Abdel Rahim Ali 2007)

Harapan menjadi semakin cerah sebaik sahaja Anwar Sadat menjadi Presiden Mesir, Malik Faisal, Raja Arab Saudi telah mengadakan pertemuan tiga penjurur antara beliau, pimpinan Ikhwan al-Muslimin dan Anwar Sadat. Dalam pertemuan itu, Anwar Sadat telah bersetuju untuk mengurangkan tekanan kepada Ikhwan al-Muslimin dengan syarat Ikhwan al-Muslimin bersetuju untuk membantu Anwar Sadat memerangi fahaman Komunis. Hasil daripada perbincangan ini maka sekembalinya Anwar Sadat daripada Arab Saudi beliau telah membebaskan semua ahli Ikhwan al-Muslimin yang ditahan pada zaman Gamal Abdel Nasser termasuk Umar Tilmisani (Ramadhan t.th).

Anwar Sadat juga telah membenarkan majalah *ad-Dakwah* milik Ikhwan al-Muslimin beroperasi semula pada tahun 1976. Ruang yang sedikit ini telah dimanfaatkan oleh Ikhwan al-Muslimin untuk menyampaikan dakwah dan menghapuskan semua elemen yang tidak selaras dengan ajaran Islam. Majalah ini telah menyediakan ruang yang kukuh sebagai pembangkang kepada kerajaan dan polisi perdamaian dengan Israel (Vatikiotis 1969).

Umar Tilmisani telah dilantik menjadi penasihat kepada majalah *ad-Dakwah* yang baru dibenarkan beroperasi. Dengan adanya ruang untuk menyampaikan dasar perjuangan Ikhwan al-Muslimin maka Umar Tilmisani mengambil pendekatan terbaik-baik dengan Anwar Sadat selagi mana ada ruang antara kedua-duanya. Memandangkan Ikhwan al-Muslimin telah berjanji untuk membantu Anwar Sadat bagi menyelesaikan beberapa tekanan dalam pemerintahannya maka majalah ini telah memainkan peranan yang besar dalam mencapai tujuan kedua-dua belah pihak. Sepanjang lima bulan pertama beroperasi, majalah ini telah mengkritik kedudukan komunis dan juga Marxist. Majalah ini juga banyak memaparkan kezaliman yang telah dilakukan oleh Gamal Abdel Nasser sepanjang pemerintahannya terutama dalam menindas Ikhwan al-Muslimin (*ad-Dakwah* 1979).

Pendekatan politik terbaik-baik dan membantu Anwar Sadat ini mendapat tentangan daripada beberapa gerakan Islam yang lain. Antara yang mengkritik pendekatan ini ialah Dr. Aiman az-Zawahiri yang menuduh Ikhwan al-Muslimin sebagai berpura-pura dalam Islam dan tidak mengamalkan suruhan jihad yang

terdapat di dalam al-Quran. Oleh sebab itulah adanya perbezaan antara pendekatan yang diambil oleh *Tanzim Jihad* pimpinan Dr. Aiman az-Zawahiri dengan pendekatan Ikhwan al-Muslimin (Abdel Rahim Ali 2007). Dr. Aiman az-Zawahiri juga dengan berani mengatakan bahawa kejatuhan Ikhwan al-Muslimin ialah kerana Hassan al-Banna tidak mengkafirkan Raja Farouk kerana tidak menghukum dengan hukum Islam. Beliau dalam tulisannya ‘dialog bersama pelampau-pelampau agama’ dengan keras mengatakan bahawa Hassan al-Banna melakukan kesalahan apabila menyatakan sokongan kepada Raja Farouk dengan mengadakan rundingan dan menjelaskan bahawa Ikhwan al-Muslimin adalah gerakan agama dan tiada bersangkutan dengan hal-hal politik (Abdel Rahim Ali 2007).

Pendekatan politik Ikhwan al-Muslimin adalah sama seperti yang telah dijelaskan oleh Hassan al-Banna iaitu mengikut saluran yang betul dan sah. Hamid Abu Nasr (1913-1996), Mursyidul Am yang ke-4, menjelaskan bahawa Ikhwan al-Muslimin tidak akan menggunakan kaedah kekerasan dalam menyampaikan dakwah, apatah lagi melakukan kegiatan-kegiatan yang keras kepada pemerintah. Ikhwan al-Muslimin akan menggunakan cara yang telah disepakati antara pemimpin dan rakyat iaitu melalui pilihan raya. Umar Tilmisani juga menjelaskan bahawa Ikhwan al-Muslimin percaya bahawa menukar pemerintahan daripada yang bukan Islam kepada pemerintahan Islam hendaklah mengikut jalan yang betul dan bukan melalui keganasan dan kekerasan (al-Banna 2003).

Pendekatan berkompromi pada hal-hal yang baik ini jelas ditunjukkan oleh Ikhwan al-Muslimin pada tahun 1973 apabila Sayid Sabiq menyampaikan berita kepada Umar Tilmisani bahawa Anwar Sadat ingin bertemu dan berbincang untuk kebaikan rakyat Mesir, beliau terus bertemu dengan Hassan al-Hudhaibi (1891-1973), Mursyidul Am ke-2 yang pada ketika itu berada di Iskandariah. Hassan al-Hudhaibi sebaik sahaja mendengar hasrat Anwar Sadat untuk berunding mengarahkan agar persediaan dilakukan untuk menyambut hasrat baik Anwar Sadat. Pendekatan seperti ini tidak dapat diterima oleh Dr. Aiman az-Zawahiri daripada kumpulan *Tanzim Jihad* (Abdel Rahim Ali 2007).

Ketika berlakunya perjanjian dengan Israel di Camp David, Umar Tilmisani menjelaskan bahawa Ikhwan al-Muslimin menentang sebarang bentuk perjanjian dengan Israel terutamanya apabila kepentingan rakyat Palestin terganggu. Ikhwan al-Muslimin tidak akan mengiktiraf kewujudan negara Israel seperti mana yang telah ditandatangani oleh Anwar Sadat. Walau bagaimanapun, Ikhwan al-Muslimin masih lagi menggunakan pendekatan berunding dan menasihati Anwar Sadat dan menjelaskan kesilapan yang telah dilakukan. Ikhwan al-Muslimin juga tidak bersetuju dengan tindakan Liga Arab yang memulaukan Mesir akibat daripada perjanjian tersebut. Umar Tilmisani memohon agar Liga Arab memikirkan semula tindakan

memutuskan hubungan dengan Mesir dan memohon agar Liga Arab mengemukakan cadangan untuk membaiki keadaan politik yang telah dicetuskan oleh Anwar Sadat. Walaupun begitu Anwar Sadat tidak memahami pendekatan yang cuba disampaikan oleh Ikhwan al-Muslimin dan beliau mengambil pendekatan mengharamkan Ikhwan dan membatalkan lesen majalah *ad-Dakwah* pada September 1981. Anwar Sadat membayar harga yang tinggi hasil perjanjian tersebut apabila beliau ditembak mati pada 6 Oktober 1981 oleh salah seorang anggota gerakan *Tanzim Jihad* (Abdel Rahim Ali 2007).

Walaupun Ikhwan al-Muslimin mengambil pendekatan terbaik-baik dengan Anwar Sadat tetapi Ikhwan al-Muslimin tetap terus mengkritik pemerintah jika apa yang dilakukan oleh pemerintah tidak menguntungkan Islam dan rakyat. Antara yang menjadi kebimbangan Ikhwan al-Muslimin selain daripada isu perjanjian dengan Palestin ialah mengenai dasar *Infitah* yang telah diperkenalkan oleh Anwar Sadat. Ikhwan al-Muslimin menentang dasar ini ialah kerana ia akan membuka pintu Mesir seluas-luasnya kepada barat untuk menguasai pasaran tempatan (Nachman Tal 2005).

Ikhwan al-Muslimin juga turut mengkritik dasar Anwar Sadat berkaitan dengan parti politik di mana Anwar Sadat tidak membenarkan penubuhan parti berdasarkan agama atau pun perkauman. Ikhwan al-Muslimin berpendapat bahawa agama dan negara tidak boleh dipisahkan dan dasar ini bertentangan dengan Islam. Ikhwan juga menuntut pelaksanaan syariah dalam undang-undang negara. Walaupun Anwar Sadat telah menukar perlembagaan dengan menjadikan Islam sebagai agama negara, tetapi Sadat masih gagal untuk melaksanakan undang-undang Islam di Mesir. Ikhwan al-Muslimin menuduh Sadat mengkhianati janji untuk melaksanakan undang-undang syariah apabila menjadi Presiden (Nachman Tal 2005).

REAKSI PENDEKATAN POLITIK IKHWAN AL-MUSLIMIN

Reaksi awal terhadap pendekatan politik yang menjadi asas dalam Ikhwan al-Muslimin ialah daripada pemerintah. Presiden Mesir, Anwar Sadat percaya bahawa Ikhwan al-Muslimin adalah sebuah kumpulan yang boleh diajak berunding. Memandangkan Ikhwan al-Muslimin mempunyai kekuatan dan sokongan sehingga akar umbi maka setiap pemerintah sentiasa mahukan sokongan daripada Ikhwan al-Muslimin untuk terus kekal berkuasa. Walaupun Anwar Sadat terpaksa menjatuhkan hukuman kepada ahli-ahli Ikhwan al-Muslimin semasa zaman Gamal Abdel Nasser tetapi Anwar Sadat tahu bahawa Ikhwan al-Muslimin bukan musuh kepada pemerintah. Oleh sebab itulah Anwar Sadat telah mengadakan beberapa pertemuan dengan pimpinan Ikhwan al-Muslimin semasa Gamal Abdel Nasser menjadi Presiden (Abdel Rahim Ali 2007).

Anwar Sadat membebaskan semua tahanan Ikhwan al-Muslimin yang di penjara semasa zaman Gamal Abdel Nasser dan membenarkan penerbitan semula majalah *ad-Dakwah* yang telah diharamkan pada tahun 1954. Tidak cukup dengan itu, Anwar Sadat membenarkan ahli Ikhwan al-Muslimin yang lari meninggalkan negara pulang dengan aman. Ini adalah reaksi politik akomodasi yang baik untuk kelangsungan kedua-dua belah pihak. Walaupun ada kepentingan masing-masing tetapi pendekatan Ikhwan al-Muslimin membolehkan gerakan ini tidak ditindas dengan teruk atau menjadi sasaran pemerintah. Namun zaman baik antara kedua-dua belah pihak ini hanya berjalan antara tahun 1970 sehinggalah tahun 1978. Selepas perjanjian dengan Israel, Anwar Sadat merasakan bahawa gerakan Islam seperti Ikhwan al-Muslimin dan juga gerakan Islam yang lain perlu dihapuskan kerana mereka akan mengganggu keputusan yang akan dibuat oleh pemerintah (Ramadan 1993).

Pendekatan politik Ikhwan al-Muslimin ini mendapat reaksi yang negatif bagi kumpulan-kumpulan Islam terutamanya *Tanzim Jihad* dan juga *Takfir wal Hijrah* (Nachman Tal 2005). Ikhwan al-Muslimin tidak menyerang kumpulan-kumpulan Islam yang ekstrem ini secara khusus melainkan mendidik masyarakat melalui majalah *ad-Dakwah* mengenai hala tuju dan kaedah yang dianjurkan oleh Islam yang sebenar. Namun Jemaah *Takfir wal Hijrah* ini pernah membuat pengakuan bahawa mereka mempunyai hubungan dengan Ikhwan al-Muslimin untuk menarik sokongan dan ahli baru. Ikhwan al-Muslimin terpaksa memberi penjelasan yang keras menafikan penglibatan Ikhwan al-Muslimin dengan jemaah tersebut dan menafikan bersekongkol dengan segala aktiviti mereka terutama yang bersifat keganasan. Lebih keras lagi Ikhwan al-Muslimin melarang menjadikan mereka imam dalam solat berjemaah dan pernah mengeluarkan pandangan bahawa darah mereka ini adalah halal kerana merosakkan nama baik Islam (Nachman Tal 2005).

Pendekatan politik Ikhwan al-Muslimin yang tidak menimbulkan banyak konflik ini memberi banyak manfaat kepada masyarakat sekeliling. Oleh sebab tiada penindasan sepanjang tempoh aman bersama pemerintah, Ikhwan al-Muslimin dapat melaksanakan dakwah dengan lancar. Aktiviti kebajikan berjalan di masjid-masjid dan mendapat sambutan. Program-program pelajar di universiti berjalan dengan baik sehinggalah pada tahun 1978, apabila Anwar Sadat mengarahkan agar polis mengawal aktiviti pelajar. Polis turut mengganggu program perkhemahan yang dianjurkan oleh pelajar Universiti Iskandariah yang telah menjemput penceramah daripada luar negara (Rais 1981).

KESAN PENDEKATAN TAHALLUF SIYASI IKHWAN AL-MUSLIMIN

Pendekatan yang dibawa oleh Ikhwan al-Muslimin pada zaman Anwar Sadat adalah kesinambungan pendekatan yang diajar oleh Hassan al-Banna semasa menubuhkan

gerakan ini. Hakikatnya pendekatan yang dibawa oleh Hassan al-Banna inilah yang membolehkan Ikhwan al-Muslimin dapat kembali semula dalam arus perdana setelah diharamkan. Tekad dan usaha yang berterusan ahli Ikhwan al-Muslimin dalam berdakwah menjadikan gerakan ini tidak mati walaupun diharamkan beberapa kali.

Pendekatan yang sederhana semasa era Anwar Sadat lebih dilatari oleh pengalaman Ikhwan al-Muslimin pada zaman Gamal Abdel Nasser. Ikhwan al-Muslimin kehilangan beberapa tokoh besar dalam gerakan tersebut kerana dihukum oleh Gamal Abdel Nasser. Oleh sebab itu rundingan telah diadakan dengan Anwar Sadat untuk meminimumkan impak kepada Ikhwan al-Muslimin selain membolehkan dakwah terus berjalan ke segenap penjuru.

Walaupun bagaimanapun sudah semestinya kebenaran dan kebatilan itu adalah sesuatu yang tidak boleh bercampur maka akhirnya Ikhwan al-Muslimin menjadi mangsa politik pemerintah apabila ia diharamkan dan tidak lagi dibenarkan beroperasi pada tahun 1981. Kedudukan ini berterusan sehinggalah zaman Muhammad Hosni Mubarak yang menjadi Presiden selepas kematian Anwar Sadat sehinggalah digulingkan rakyat pada tahun 2011.

Pendekatan Ikhwan al-Muslimin pada zaman Mubarak berubah dan Ikhwan al-Muslimin telah berkompromi dengan beberapa buah parti politik dan berjaya memenangi beberapa kerusi dalam Parlimen Mesir. Jika dilihat daripada kaedah dan pendekatan ini dapatlah disimpulkan bahawa Ikhwan al-Muslimin menggunakan pendekatan yang sederhana mengikut keperluan semasa. Ada kalanya mereka terpaksa mengambil pendekatan berkompromi dengan pemerintah dan dalam masa yang sama membina kekuatan dan menyebarkan dakwah kepada masyarakat.

Anwar Sadat sebenarnya gagal membaca permainan politik dengan tepat seperti Gamal Abdel Nasser. Jalinan hubungan baik antara Anwar Sadat dan Ikhwan al-Muslimin tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Anwar Sadat tidak cuba membawa tokoh-tokoh Ikhwan al-Muslimin ke dalam kabinetnya seperti mana yang telah dibuat oleh Gamal Abdel Nasser yang menjemput Hassan al-Baquri sebagai Menteri Wakaf dalam kabinetnya (Jamik 2003). Gamal Abdel Nasser dalam gaya politiknya berjaya mengukuhkan kedudukan politiknya, tetapi dalam masa yang sama berjaya juga membawa keretakan kepada Ikhwan al-Muslimin. Gamal Abdel Nasser berjaya melemahkan Gerakan *Nidzam Khas* Ikhwan al-Muslimin apabila membeli Abdel Rahman as-Sanadi dengan kemewahan (Tilmisani 1998).

Anwar Sadat tidak mempunyai gaya politik seperti Gamal Abdel Nasser. Oleh sebab itulah apabila beliau memberi kebenaran untuk Ikhwan al-Muslimin kembali

beroperasi, ia hanya mengukuhkan lagi Ikhwan al-Muslimin tetapi bukan karier politiknya untuk jangka masa panjang. Ini dapat dilihat melalui hubungan baik antara Anwar Sadat dan Ikhwan al-Muslimin hanya bertahan antara tahun 1970 sehingga 1978 sahaja. Ikhwan al-Muslimin hanya memerlukan tiga tahun sahaja sejak mula majalah *ad-Dakwah* mula beroperasi pada tahun 1976 untuk mengukuhkan kedudukan. Walaupun di peringkat awal topik-topik majalah *ad-Dakwah* lebih menjurus kepada menyelesaikan masalah Anwar Sadat tetapi isi kandungan yang lain dalam majalah *ad-Dakwah* tersebut turut mengukuhkan kedudukan Ikhwan al-Muslimin sebagai sebuah gerakan Islam kontemporari.

Anwar Sadat sebenarnya lupa bahawa Ikhwan al-Muslimin hanya berjaya mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh Anwar Sadat terutama sekali daripada gerakan-gerakan Islam yang radikal tetapi bukan menghapuskannya. Ikhwan al-Muslimin berjaya mengurangkan penambahan ahli untuk gerakan-gerakan tersebut tetapi mereka tetap wujud dan beroperasi. Malahan Ikhwan al-Muslimin sendiri mempunyai masalah dengan gerakan Islam yang ekstrem apabila sebahagian daripada gerakan ini masih cuba mengaitkan Ikhwan al-Muslimin dengan gerakan mereka (Nachman Tal 2005).

Oleh sebab itulah, keretakan hubungan antara Ikhwan al-Muslimin dan Anwar Sadat tidak merugikan Ikhwan al-Muslimin tetapi sebaliknya merugikan Anwar Sadat. Akhirnya Anwar Sadat membayar harga politik dengan nyawanya apabila beliau ditembak mati oleh salah seorang ahli daripada gerakan ekstrem yang ada. Nama Ikhwan al-Muslimin walaupun cuba dikaitkan dengan pembunuhan ini tetapi ternyata pembunuhnya bukan daripada Ikhwan al-Muslimin. Ikhwan al-Muslimin masih kekal dalam arus perdana tetapi gerakan lain semakin menipis dan tidak mendapat sambutan dalam kalangan rakyat Mesir.

Bagi Ikhwan al-Muslimin, *tahalluf siyasi* yang dilakukan hanya mempunyai kebaikan jangka pendek. Dalam beberapa tahun pendekatan *tahalluf siyasi* sememangnya menguntungkan Ikhwan al-Muslimin kerana mereka dapat menyebarkan dakwah dan bergerak bebas tanpa ada sekatan. Peluang ini diambil sepenuhnya oleh Ikhwan al-Muslimin untuk mengkritik dan menyampaikan mesej melalui majalah yang disebarkan ke seluruh dunia. Namun ia hanya bertahan selama lima tahun sahaja. Walau bagaimanapun peluang selama lima tahun ini telah mengukuhkan kedudukan dan kekuatan Ikhwan al-Muslimin dalam kalangan rakyat Mesir.

Pendekatan *tahalluf siyasi* tidak banyak membantu Ikhwan al-Muslimin dalam jangka masa panjang. Sebaik sahaja matlamat pemerintah dipenuhi, Ikhwan al-Muslimin kembali ditindas dan diharamkan. Malahan ribuan ahli ditangkap dan di

penjara sehingga puluhan tahun. Kekuatan Ikhwan al-Muslimin sebenarnya bukan terletak kepada pendekatan *tahalluf siyasi* tetapi bergantung pada kekuatan tarbiah yang telah ditanam di dalam jiwa setiap ahli Ikhwan al-Muslimin sejak daripada zaman pengasasnya Hassan al-Banna. Ini dapat dilihat apabila berlaku penindasan dan tribulasi, ahli tetap sabar dan meneruskan usaha dakwah. Kegiatan dakwah terus berjalan dan jumlah ahli semakin bertambah dari tahun ke tahun. Walaupun ramai yang telah terkorban sepanjang tahun sejak 1928 tetapi kekuatan ahli tidak pernah pudar dan tetap bersama Ikhwan al-Muslimin.

KESIMPULAN

Pelbagai pendekatan dan saluran digunakan untuk mencapai sesuatu maksud dan tujuan. Ada kalanya pendekatan tersebut hanya sesuai dan betul pada ketika yang tertentu sahaja. Kesesuaian pendekatan ini bergantung kepada jauh pandangannya pemikiran pemimpin semasa. Tiada formula yang sesuai untuk semua orang atau pun yang betul bagi semua keadaan. Kesesuaian itu bergantung pada situasi dan keadaan semasa. Namun sebagai generasi dan gerakan kemudian, adalah wajar bagi pemimpin mengambil kira dan bijak membaca pendekatan yang telah diambil oleh gerakan-gerakan terdahulu. Ikhwan al-Muslimin telah melakukan pelbagai pendekatan dan ada pendekatan tersebut terpaksa mengorbankan pimpinan mereka. Ilmu politik dan dakwah ini bergantung pada keupayaan pimpinan semasa membaca dan menilai kehendak dan keperluan sezaman sebelum memulakan gerakan. Bukan sedikit daripada gerakan Islam di dunia ini yang bertahan lama dan tidak sedikit juga terus terkubur. Pimpinan gerakan ini seharusnya belajar daripada apa yang telah dilalui oleh gerakan terdahulu dan sedia ada agar tidak mengulangi kesilapan-kesilapan yang serupa.

RUJUKAN

Abdel Rahim Ali. 2007. *al-Ikhwan al-Muslimun min Hassan al-Banna ila Mehdi Akief*. Kaherah: al-Mahrusah lil Nasyar wa al-Khidmat al-Sohafiah wa al-Maklumat.

Ad-Dakwah, Kaherah: Matobi' al-akhbar, bil: 1-65: 1976-1981.

al-Banna, Hassan. 2003. *Himpunan Risalah Hassan al-Banna*. Terj. Salehan B. Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Fadhullah, Jamil. 2008. *Islam di Asia Barat Moden, Penjajahan dan Pergolakan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

Jamik, Mahmud. 2003. *Wa Araftu al Ikhwan*. Kaherah: Dar al Tauzik wa an-Nasr al-Islamiah.

- Nachman Tal. 2005. *Radical Islam in Egypt and Jordan*. Brighton, Portland: Sussex, Academic Press.
- Rais, Mohammad Amien. 1981. *The Muslim Brotherhood in Egypt: Its Rise, Demise and Resurgence*, Phd Disertation, The University of Chicago.
- Ramadhan, Abdul Azim. 1993. *Fundamentalist Influence in Egypt: The Strategies of the Muslim Brotherhood and the Takfir Groups*, *Fundamentalisms and the State* The University of Chicago Press.
- Ramadhan, Abdul Azim. t.th. *as-Sira' al Ijtimaie wa as-Siyasi fi Misr*. Kaherah: Maktabah al-Madbouli.
- Tilmisani, Umar. 1998. *Zikrayat La Muzakirat*. Terj. Surya Dharma. Jakarta: Robbani Press.
- Vatikiotis, P.J. 1969. *The Modern History of Egypt*. London; Weidenfeld and Nicolson.

